

# Gedung Kuning juga turut dituntut oleh Singapura

JOHOR BAHRU 14 Mei - Sebuah bangunan dikenali sebagai Gedung Kuning yang terletak di hadapan Istana Kampung Glam, Singapura turut dituntut oleh kerajaan republik itu untuk dijadikan sebahagian daripada projek Pusat Warisan Melayu.

Menurut seorang waris yang masih mendiami rumah itu, Abdullah Joffri, 65, bangunan tersebut tidak kena mengena dengan waris Sultan Hussain Shah.

Bagaimanapun, katanya, bangunan tersebut turut dituntut oleh kerajaan untuk dijadikan Pusat Warisan Melayu kerana dipercayai rumah itu adalah rumah Bendahara.

Katanya, daripada rekod yang diperoleh, tanah terse-



ABDULLAH JOFFRI

but pada mulanya dimiliki oleh Tengku Mohamed Sultan Ali dan telah dicagarkan kepada R.M.P.S Annamaly Chitty pada 1907.

Abdullah yang datang ke pejabat Utusan di sini berkata, tanah tersebut kemudian bertukar tangan beberapa kali sehingga 1952, tanah tersebut kemudian dibeli oleh Yusoff Mohamed Noor (datuk kepada Abdullah).

Katanya, bangunan di tanah tersebut telah dibina oleh pemilik tanah terdahulu dan datuknya kemudian membaiki bangunan yang kini didiami oleh kira-kira 10 orang.

"Sekiranya ada pihak yang menyatakan rumah itu adalah rumah Bendahara, ia adalah satu tanggapan yang meleset kerana British yang memberikan kuasa kepada Sultan Hussein Shah tidak mempunyai Bendahara," katanya.

Beliau memberitahu, bangunan tersebut terletak di atas tapak seluas 1,231.3 meter persegi dan menggunakan alamat Istana Kampung Glam iaitu No. 73, Sultan Gate dalam semua urusan rasmi.

Katanya, kini pihaknya telah memaklumkan kepada kerajaan mengenai kedudukan sebenar pemilikan tanah dan juga bangunan itu agar ia tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada istana itu.

Beliau kemudian menjelaskan, kedudukan Gedung Kuning dan istana itu adalah dua perkara yang berbeza tetapi terlibat dalam satu projek oleh kerajaan untuk menjadikan kawasan itu sebagai Pusat Warisan Melayu.